

21<sup>hb</sup> September 2020

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan,

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Audit Persijilan MSPO Bagi Ladang T.K.S Rubber, Sungai Petani, Kedah, Malaysia**

Ladang T.K.S Rubber telah melantik BSI Services Malaysia Sdn Bhd untuk melaksanakan audit pensijilan MSPO untuk ladangnya. Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Unit Pengurusan Ladang			
Nama Unit Pengurusan Ladang		Ladang T.K.S Rubber	
Ladang	Alamat	Rujukan GPS	Luas Ladang (Ha)
Ladang T.K.S Rubber	17A, Kampung Baru, 08000 Sungai Petani, Kedah, Malaysia	5.63638889, 100.59166667	64
<b>Jumlah Luas Ladang</b>			64

BSI merancang untuk melakukan audit pensijilan terhadap Ladang T.K.S Rubber pada 26<sup>hb</sup> - 27<sup>hb</sup> Oktober 2020. Audit pensijilan akan diadakan menurut MS 2530-3:2013 - *General principles for oil palm plantations and organised smallholders*. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian Standard MS 2530:2013 Malaysia.

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 80,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSI adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit pensijilan di Ladang T.K.S Rubber terdiri daripada:

**Mohamed Hidhir Zainal Abidin** sebagai Ketua Juruaudit (Aspek alam sekitar, aspek keselamatan & kesihatan pekerja, HCV, aspek undang-undang, sosial, amalan pertanian terbaik di ladang, dan temuduga stakeholder dalaman & luaran).

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/ komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Alam sekitar & aspek sosial
- Pelindungan alam sekitar
- Pemuliharaan biodiversity
- Peluang pekerjaan
- Pendekatan syarikat untuk pembangunan penduduk setempat
- Hubungan pihak tuan dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam membuat keputusan
- *Free, Prior and Informed Consent*
- Hak kemunisiaan dan perlindungan buruh kanak-kanak

- Cadangan untuk penambahbaikan
- Kepatuhan unit pengurusan

Satu mesyuarat dengan pihak berkepentingan akan diatur seperti tarikh yang dinyatakan di atas. Pihak tuan dijemput hadir untuk memberi pandangan dan pendapat semasa mesyuarat tersebut. Sila hubungi Pengurus Skim seperti di bawah sekiranya ingin turut hadir mesyuarat tersebut. Butir-butir adalah seperti di bawah.

Pendapat dan pandangan anda juga boleh disalurkan dalam bentuk bertulis. Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama: .....  
Alamat: .....  
Emel: .....  
Nombor Telefon: .....  
Nombor Faks: .....

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pengurus Skim:**

En Azrul Wan Azizan  
BSI Services Malaysia Sdn Bhd  
BSI Services Malaysia, Suite 29.01  
Level 29, The Gardens North Tower  
Mid Valley City Lingkaran Syed Putra  
59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel : +603 9212 9638  
Faks : +603 9212 9639  
Emel : [Azrul.WanAzizan@bsigroup.com](mailto:Azrul.WanAzizan@bsigroup.com)

**DAN/ATAU Auditee:**

En Rajinder Singh  
T.K.S Rubber Estate  
17A, Kampung Baru  
08000 Sungai Petani  
Kedah, Malaysia  
Tel : +6012 420 3309  
Faks : -  
Emel: [raj.x.dhillon@outlook.com](mailto:raj.x.dhillon@outlook.com)

Jika ada terdapat sebarang aduan, sila lawati <https://www.bsigroup.com/en-MY/our-services/Customer-Feedback-Policy-and-Procedure/> untuk prosedur yang lebih lengkap.

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....  
Azrul Wan Azizan  
Director  
Operations and Compliance & Risk - Assurance